PORTAL AHLI PANEL PENILAI

Portal ini dibangunkan sebagai saluran perkhidmatan atas talian kepada penilai Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi pengurusan maklumat hal ehwal penilai dan berperanan sebagai salah satu medium interaksi antara penilai dan MQA.

Laman Utama

Pengguna perlu memasukkan Id Pengguna dan Kata Laluan untuk log masuk. Log masuk ini bertujuan untuk membolehkan penilai mengakses maklumat hal ehwal penilai dan hebahan MQA. Bagi APP yang baru dilantik ID Pengguna dan Kata Laluan akan disediakan oleh MQA.

Pengguna log masuk kali pertama perlu menukar kata laluan terlebih dahulu.



Pengguna yang terlupa katalaluan boleh membuat pengemaskinian katalaluan. Klik *Link* Lupa Katalaluan untuk membuat pengemaskinian.

Masukkan No Kad Pengenalan. Emel kod pengesahan akan dihantar ke emel yang didaftarkan. Masukkan maklumat yang diperlukan dan klik butang Tukar Kata Laluan. Pengguna boleh Log Masuk semula menggunakan katalaluan yang telah dikemaskini.





Halaman Utama

Halaman utama mempunyai 3 bahagian iaitu menu pada bahagian kiri, hebahan terkini, maklumat tugasan, dokumen dan pautan pada bahagian kanan dan log keluar pada bahagian atas.



1. Memaparkan hebahan terkini (jika ada), pautan berkaitan dan juga dashboard berkaitan Pelantikan Tugasan serta Tugasan Penilaian Akreditasi.

2. Memaparkan maklumat peribadi dan perkhidmatan seperti kelayakan, pengalaman, lantikan dan latihan yang dihadiri.

3. Memaparkan maklumat berkaitan tugasan penilaian semasa yang masih memerlukan tindakan. Terdapat tiga (3) pilihan sub menu berkaitan Tugasan Penilaian Program iaitu:
   - Pelantikan Tugasan Penilaian
   - Tugasan Penilaian PA
   - Tugasan Penialaian FA

4. Memaparkan senarai program yang sedang/ telah dinilai. Terdapat dua (2) pilihan sub menu berkaitan Tugasan Penilaian Program iaitu:
   - Senarai Tugasan Selesai
   - Senarai Tugasan Belum Selesai

5. Memaparkan senarai hebahan MQA kepada penilai.

6. Memaparkan laman untuk membuat pertanyaan kepada MQA

Menu – Maklumat Peribadi

Menu ini mempunyai 2 bahagian iaitu maklumat Bidang dan Jenis Lantikan yang berada di bahagian atas dan tiga (3) tab menu dibahagian bawah.



Tab menu terdiri daripada item berikut:

- **Profail** : Memaparkan maklumat peribadi dan maklumat perkhidmatan penilai.



Klik butang KEMASKINI untuk membuat pengemaskinian Maklumat Peribadi dan Maklumat Perkhidmatan.





Klik butang SIMPAN untuk menyimpan maklumat yang telah dikemaskini. Klik BATAL sekiranya tiada maklumat yang perlu dikemaskini.

- **Kelayakan & Pengalaman** : Memaparkan maklumat kelayakan dan pengalaman penilai di dalam bidang berkaitan.



- **Lantikan** Memaparkan maklumat lantikan sepanjang berkhidmat sebagai penilai MQA.



- **Latihan** : Memaparkan maklumat latihan anjuran MQA yang telah disertai.



Menu – Penilaian Program

Menu ini mempunyai 3 sub menu iaitu :

- **Pelantikan Tugas Penilaian** : Memaparkan senarai tugasan baharu yang dilantik.



Panel perlu membuat pengesahan Akuan Bebas Rasuah dan Kerahsiaan Ahli Panel Penilai terlebih dahulu bagi membolehkan panel mendapatkan dokumen penilian bagi melengkapkan tugasan. Klik Buang pengesahan Akuan Bebas Rasuah dan Kerahsiaan Ahli Panel (Borang A) untuk memaparkan akaun.

Klik butang Hantar Akuan untuk mengesahkan. Senarai Tugasan Penilaian akan dipaparkan.

Salinan Surat Akuan Bebas Rasuah dan Kerahsian APP boleh di dapati pada ruangan umum maklumat penilaian. Klik Papar dokumen untuk membuat cetakan atau simpanan.



- **Tugasan Penilaian PA :** Memaparkan senarai Program Akreditasi Sementara bagi tujuan penilaian.
- **Tugasan Penilaian FA :** Memaparkan senarai Program Akreditasi Penuh bagi tujuan penilaian.





Klik Butang Papar Dokumen untuk mendapatkan dokumen berkaitan tugasan penilaian.



PENILAIAN PROGRAM AKREDITASI SEMENTARA

PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)	: Kolej S
NAMA PROGRAM	: Master of Business Administration
NO. RUJUKAN PROGRAM	: MQA/PA17
SURAT AKAUN BEBAS RASUAH DAN KERAHSIAAN APP	: Papar dokumen
AHLI PANEL PENILAI	: Othman A. Karim - **(Pengerusi)** : Rakmi Abdul Rahman : Noordin Mohd Yusof

DOKUMEN

Bil	Perkara	Tindakan
1.	Format Laporan Penilaian Akreditasi Sementara	Muat Turun Dokumen
2.	Templat COPPA Rubrics - Rating	Muat Turun Dokumen
3.	Borang A	Papar dokumen
4.	Dokumen Permohonan	Papar dokumen

SENARAI SEMAK

Bil	Perkara	Tindakan
1.	Senarai semak pematuhan kualiti	Papar dokumen
2.	Lampiran	
	(a) Senarai semak permohonan program kerjasama	Papar dokumen
	(b) Surat / Dokumen daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) / Jabatan Pendidikan Tinggi / Badan Profesional / pihak berkuasa berkaitan cadangan penawaran program (jika berkaitan)	Papar dokumen

PART A : MAKLUMAT INSTITUSI

Bil	Perkara	Tindakan
1.	Part A	Papar dokumen
2.	Lampiran	
	(a) Perakuan pendaftaran institusi / penubuhan institusi - Tarikh Kemas Kini : 09/03/2024	Papar dokumen
	(b) Carta organisasi	Papar dokumen
	(c) Maklumat program yang dijalankan oleh PPT / Institusi	Papar dokumen
	(d) Maklumat program yang dijalankan oleh kampus cawangan	- Tidak Berkaitan -

Sekiranya panel membuat capaian menggunakan telefon bimbit. Klik pada No Rujukan Program untuk memaparkan laman berkaitan.



Menu – Tugasan

Menu ini mempunyai 2 sub menu iaitu :

- **Selesai** : Memaparkan senarai tugasan yang telah di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi MQA.



- **Belum Selesai** : Memaparkan senarai tugasan yang belum di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi MQA.



Maklumat yang terdapat di dalam menu Penilaian Selesai dan Penilaian Belum Selesai ialah:

1. **Program**: Nama Program
2. **Nama PPT** : Nama Pemberi Pendidikan Tinggi
3. **Tarikh Terima Tugasan** : Tarikh panel mendapat tugasan
4. **Tarikh Hantar Laporan Awal** : Tarikh MQA menerima laporan awal daripada panel
5. **Tarikh Hantar Laporan Akhir** : Tarikh MQA menerima laporan akhir daripada panel
6. **Nama Pegawai MQA** : Pegawai MQA berkaitan program yang dinilai

Menu – Hebahan

Memaparkan maklumat hebahan yang dibuat oleh MQA untuk penilai.



Menu – Pertanyaan

Menu ini memberi kemudahan kepada penilai untuk berinteraksi dengan Unit Pengurusan APP MQA Senarai Pertanyaan memaparkan semua pertanyaan yang pernah dihantar melalui Portal APP ke MQA.

Klik butang Hantar Pertanyaan untuk membuat pertanyaan baru kepada Unit Pengurusan APP MQA.



Penilai boleh membuat pertanyaan berkenaan perkara Pelantikan, Bengkel atau lain-lain. Masukkan maklumat pertanyaan dan klik butang HANTAR.